

**DAYA TAHAN PETANI MUDA  
DI BOYOLALI, JAWA TENGAH, INDONESIA**

**SARWOTO**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2023**

**DAYA TAHAN PETANI MUDA  
DI BOYOLALI, JAWA TENGAH, INDONESIA**

**oleh**

**SARWOTO**

**Tesis yang diserahkan untuk  
Memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Januari 2023**

## **PENGAKUAN**

**Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri,  
Kecuali kutipan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya  
Telah saya jelaskan sumbernya.**

**2023**

**SARWOTO**

**P-SD0021/19(R)**

## PENGHARGAAN

Sesungguhnya hanya dengan izin, hidayah dan kuasa Mu ya Allah SWT, tesis dengan tajuk “Daya Tahan Petani Muda di Boyolali, Jawa Tengah, Indonesia” dapat selesai disediakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Dr. Mohamad Shaharudin Bin Samsurijan (Penyelia Utama) dan Dr. Radin Firdaus Radin Badaruddin (Penyelia Bersama). Dedikasi dan penat dalam memberikan tunjuk ajar, dorongan dan bimbingan dalam menyempurnakan tesis ini akan menjadi ingatan sepanjang masa.

Hutang budi yang tidak terbayar dan rasa amat terima kasih diucapkan kepada Rektor Universitas Sebelas Maret (Prof Dr. Ravik Karsidi, M.S dan Prof. Dr. Jamal Wiwoho, SH. M.H), selaku majikan dan penaja. Seterusnya ucapan penghargaan juga ditujukan kepada jawatan Dekan (Prof. Dr. Hunik Sri Huning Sawitri, M.Si dan Prof Djoko Suhardjanto, M. Com., Ph,D Akt) dan para Timbalan Dekan Fakultas Ekonomi dan Bisnis serta Jawatan Ketua Jurusan Manajemen Fakultas Ekonomi dan Bisnis (Reza Rahardian, SE, MSi dan Dr. Atmaji, MM) Universitas Sebelas Maret yang terlibat dalam proses galakan pelesenan dan pengajian.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Dekan dan pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia yang terlibat dalam memberikan tunjuk ajar selama kajian ini di jalankan. Ruangan begitu terbatas untuk membariskan nama-nama tuan/puan satu per satu. Sumbangan individu dalam kelangsungan kajian dan proses pengajian; Dr. Zahri Hamat dan keluarga (Puan Zahri, Bang Adli, mbak Aliya dan keluarga), yang telah menerima saya dengan baik semasa pengajian di Malaysia, rakan senior di

Universiti Sains Malaysia Teuku Surya Darma/ Pak Surya (DPR RI), Bang Fairuz dan Bang Ridha (Unsyiah Kuala Aceh), rakan karib saya dalam “Perjuangan” Mas Sarjiyanto, Dr. Joko Suyono Tetua Riset Grup Kearifan Tempatan, Bambang Jiyanto, SP, MS Tetua Dinas Pertanian, Perkebunan, dan Kehutanan Boyolali dan kakitangannya, dan seluruh informan yang terlibat dalam kajian ini.

Akhir kata, kepada ibu bapa saya yang sentiasa mengajar saya erti sabar dan ikhlas, Puan Sumbuk Rahayu dan Bapa Walijo Sastro Widoyo serta seluruh keluarga besar mereka. (Mas Purwoko Dirgo Raharjo, satu-satunya adik perempuan saya Galeh Utami, Ipar saya Ari Wahyaningsih, Rofa Fakhurrozi Abdul Fatah, anak saudara: Tirta Alif Vijaya Raharjo, Fadillah Nala Dipa, Gayzka Azkayra), Ibu dan Bapa Mertua yang juga selalu memberikan sokongan selama studi (Puan Hj. Sumirah dan Bapa Sunarno) serta seluruh keluarga besar mereka (Ipar saya : Mas Alwan Wahyudi, Mas Ikhsan Mustofa, anak saudara : mbak Alta, Mas Gaffi, Mas Naryama Raffi, mbak Lavanya Aqilla). Terima kasih dengan sangat untuk seorang wanita yang selalu menemani saya dalam berpuasa zahir maupun batin dalam menghadapi berbagai cubaan dan perjalanan penyelesaian studi saya, salam cinta untuk Isteri tercinta Indira Dyah Puspitasari Putri, Anakda tersayang; Amira Larasati dan Satria Pinandhita dan seluruh keluarga besar saya. Serta rakan-rakan karib yang banyak berkorban dan memberikan sokongan moral. Terima kasih kerana telah menjadikan aku insan berilmu. Semoga ilmu yang didapatkan ini, dapat bermanfaat sebagai bekal hidup di dunia dan akhirat kelak.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN .....</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH .....</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN .....</b>	<b>xiii</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>xiv</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Cabaran Sektor Pertanian dan Daya Tahan Petani Muda di Luar Bandar.....	6
1.2.1 Keselamatan Makan Dunia.....	6
1.2.2 Kadar Kemiskinan yang tinggi di Kawasan Luar Bandar .....	7
1.2.3 Penghijrahan .....	8
1.2.4 Generasi muda tidak pasti kerjaya mereka dan masa depan sebagai petani .....	8
1.3 Pernyataan Masalah.....	9
1.4 Objektif Kajian .....	12
1.5 Persoalan Kajian .....	13
1.6 Skop Kajian .....	13
1.7 Definisi Operasional .....	14
1.7.1 Daya Tahan .....	14
1.7.2 Generasi Muda.....	16
1.7.3 Pembangunan Pertanian.....	16

1.7.4	Sektor Pertanian di Desa.....	17
1.7.5	Dasar Kerajaan.....	18
1.8	Struktur Tesis.....	19
<b>BAB 2 SOROTAN KARYA DAN KERANGKA KONSEPTUAL .....</b>		<b>21</b>
2.1	Pengenalan.....	21
2.2	Konsep Pembangunan dan Sektor Pertanian .....	21
2.3	Sektor Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar .....	25
2.4	Pertanian dan Pembangunan Lestari.....	29
2.4.1	Sektor Pertanian di Indonesia .....	31
2.4.2	Sektor Pertanian di Jawa Tengah.....	34
2.5	Penyertaan Petani Muda dalam Sektor Pertanian.....	36
2.6	Pendekatan Keupayaan dan Daya Tahan Petani Muda .....	37
2.6.1	Karakteristik Individu dalam Peningkatan Keupayaan Individu .....	40
2.6.2	Sokongan Sosial dalam Peningkatan Keupayaan Individu.....	41
2.6.3	Kerohanian atau Kepercayaan atau Budaya dalam Peningkatan Keupayaan Individu .....	43
2.6.4	Pembangunan Modal Insan dalam Peningkatan Keupayaan Individu .....	46
2.6.5	Keupayaan Individu dalam Peningkatan Daya Tahan Petani Muda .....	48
2.7	Kerangka Konseptual Kajian.....	49
2.8	Kesimpulan.....	52
<b>BAB 3 KAEDAH KAJIAN DAN KAWASAN KAJIAN.....</b>		<b>53</b>
3.1	Pengenalan.....	53
3.2	Reka Bentuk Kajian Fenomenologi.....	54

3.3	Deskripsi Pengkaji .....	60
3.4	Informan Kajian.....	61
3.5	Obyek Kajian .....	64
3.6	Tahapan dan Prosedur Kajian .....	66
3.7	Instrumen Kajian .....	68
3.8	Analisis Kajian.....	71
3.9	Kebolehpercayaan.....	74
	3.9.1 Kredibiliti.....	74
	3.9.2 Transferabiliti, Dependabiliti, dan Konfirmatibiliti.....	76
3.10	Cabaran Pengumpulan Data .....	77
3.11	Kesimpulan .....	78
 <b>BAB 4 PROGRAM YANG DILAKSANAKAN KERAJAAN BAGI</b>		
<b>MEMPERKASAKAN KEUPAYAAN DAN DAYA TAHAN</b>		
<b>PETANI MUDA DI LUAR BANDAR .....</b>		
		<b>79</b>
4.1	Pengenalan.....	79
4.2	Program Kerajaan yang Menyokong Sektor Pertanian .....	78
4.3	Pembangunan Sumber Manusia .....	84
	4.3.1 Program Latihan Peningkatan Kompetensi daripada Kerajaan	
	kepada Petani Muda.....	84
	4.3.2 Program Pemindahan Pengetahuan dari Kerajaan	
	kepada Petani Muda.....	90
4.4	Bantuan Kewangan.....	93
	4.4.1 Pemberian Pembiayaan Usaha Pertanian dari Kerajaan	
	kepada Petani Muda.....	93
	4.4.2 Jaminan Kerajaan dalam Bentuk Wang kepada Petani	



	yang Mengalami Kegagalan Pengeluaran Hasil Akibat Penyakit ....	96
4.5	Program Peningkatan Pengeluaran .....	99
4.5.1	Pemberian Bantuan Alat Mesin Pertanian dari Kerajaan kepada Petani Muda.....	100
4.5.2	Kerajaan Memberikan Subsidi Benih, Baja, dan Racun kepada Petani Muda.....	102
4.5.3	Kerajaan Memberikan Pelbagai Program Pembangunan Infrastruktur Untuk Pengembangan Sektor Pertanian .....	105
4.6	Kesimpulan .....	107
	<b>BAB 5 DAYA TAHAN PETANI MUDA DI LUAR BANDAR.....</b>	<b>109</b>
5.1	Pengenalan.....	109
5.2	Daya Tahan Petani Muda di Kawasan Boyolali .....	109
5.3	Spiritualiti Petani Muda.....	116
5.3.1	Petani Muda Mempunyai Kepercayaan dan Ketakwaan yang Baik .....	116
5.3.2	Petani Muda Memiliki Prinsip yang Kuat .....	119
5.3.3	Petani Muda Memiliki Tujuan Hidup Jelas .....	122
5.3.4	Petani Muda Suka Memberikan Manfaat kepada Orang Lain.....	127
5.3.5	Petani Muda Sentiasa Ceria dalam Menghadapi Semua Masalah.....	130
5.3.6	Petani Muda Reda Menerima Keadaan .....	132
5.3.7	Petani Muda Ikhlas Menghadapi Masalah dan Berserah Diri kepada Tuhan .....	134
5.4	Personaliti Dalaman Petani Muda .....	135

5.4.1	Petani Muda Sentiasa Berfikiran Positif tentang Masa Hadapan walaupun Sedang Menghadapi Dugaan .....	135
5.4.2	Petani Muda Berhati-hati dalam Mengambil Keputusan.....	139
5.4.3	Petani Muda Memiliki Kesabaran yang Tinggi dalam Menghadapi Masalah.....	141
5.4.4	Petani Muda Tetap pada Satu Pilihan Sebagai Petani .....	143
5.5	Motivasi Diri Petani Muda .....	145
5.5.1	Petani Muda Suka Cabaran.....	145
5.5.2	Petani Muda Mempunyai Inspirasi dalam Bertani .....	147
5.5.3	Petani Muda Selalu Bangun Apabila Mereka Gagal .....	150
5.5.4	Petani Muda Memiliki Keberanian yang Tinggi dalam Menghadapi Masalah.....	153
5.5.5	Petani Muda Suka Mempelajari Ilmu dan Fenomena yang Berkaitan dengan Sektor Pertanian.....	155
5.5.6	Petani Muda Berupaya dan Berkemahuan Keras .....	157
5.6	Kesimpulan.....	158
 <b>BAB 6 PENENTU-PENENTU KEUPAYAAN YANG MENYUMBANG</b>		
	<b>KEPADA DAYA TAHAN PETANI MUDA .....</b>	<b>160</b>
6.1	Pengenalan.....	160
6.2	Daya Tahan Petani Muda dan Keupayaan Individu .....	160
6.3	Karakteristik Individu .....	170
6.3.1	Pendidikan Modal Penting dalam Sektor Pertanian .....	170
6.3.2	Aspek Kesihatan Penting dalam Sektor Pertanian.....	172
6.3.3	Bertani Memberikan Pulangan yang Cukup untuk Membiayai Keluarga .....	175

6.3.4	Petani Muda Mewarisi Pekerjaan dari Keluarga .....	178
6.3.5	Petani Muda Mendapat Sokongan daripada Keluarga.....	181
6.3.6	Petani Muda Bertani Kerana Bertani sebagai Pilihan Hidup .....	182
6.3.7	Petani Muda Mula Bertani dengan Latihan Praktikal di Ladang.....	185
6.3.8	Modal Wang adalah Penting kepada Petani Muda .....	186
6.4	Sokongan Sosial .....	187
6.4.1	Penyertaan Masyarakat di Kawasan Tempat Tinggal Petani Muda yang Masih Tinggi .....	188
6.4.2	Petani Muda Mendapatkan Kemudahan Aksesibiliti pada Seluruh Aspek Penyokong Pertanian.....	191
6.5	Kerohanian/ Kepercayaan/ Budaya .....	195
6.5.1	Persatuan Komuniti di Tempat Tinggal Petani Muda Terjaga.....	196
6.5.2	Peranan Institusi yang Menyokong Petani Muda untuk Kekal dalam Sektor Pertanian .....	198
6.5.3	Petani Muda Percaya kepada Nilai-Nilai Baik berkaitan Sektor Pertanian.....	201
6.5.4	Petani Muda Menilai Bahawa Bekerja sebagai Petani akan Memberikan Manfaat.....	205
6.5.5	Petani Muda Bahagia Bekerja sebagai Petani.....	207
6.5.6	Petani Muda Berhasrat Menjadikan Petani sebagai Pekerjaan yang Membanggakan.....	209
6.6	Faktor Alam Sekitar.....	211

6.6.1	Petani Muda Memiliki Modal Kerja yang Cukup .....	211
6.6.2	Petani Muda Mendapat Sokongan Alam Sekitar .....	212
6.7	Warisan Keluarga .....	214
6.7.1	Petani Muda Menghargai Warisan Keluarga.....	214
6.7.2	Petani Muda Cinta Tanah Kelahiran.....	216
6.8	Kesimpulan.....	219
<b>BAB 7 PENUTUP.....</b>		<b>222</b>
7.1	Pengenalan.....	222
7.2	Rumusan Dapatan Kajian .....	222
7.2.1	Program yang Dilaksanakan Kerajaan bagi Memperkasakan Keupayaan dan Daya Tahan Petani Muda di Luar Bandar .....	222
7.2.2	Daya Tahan Petani Muda di Luar Bandar .....	225
7.2.3	Keupayaan Petani Muda dalam Menyumbang Daya Tahan Petani Muda di Luar Bandar .....	227
7.3	Implikasi Kajian.....	229
7.3.1	Implikasi Falsafah Bidang Ilmu.....	229
7.3.2	Implikasi Teoritikal/ Konseptual .....	232
7.3.3	Implikasi Dasar dan Praktikal.....	233
7.4	Cadangan Kajian di Masa Hadapan.....	233
7.4.1	Cadangan Lokasi Kajian.....	234
7.4.2	Cadangan Skop Informan Kajian.....	234
7.4.3	Agenda untuk Kajian Masa Hadapan .....	234
<b>RUJUKAN .....</b>		<b>232</b>
<b>LAMPIRAN</b>		
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Serapan Tenaga Kerja pada Sektor Pertanian di Afrika.....2
Jadual 1.2	Serapan Tenaga Kerja pada Sektor Pertanian di Asia Tenggara.....3
Jadual 3.1	Informan Kajian..... 64
Jadual 4.1	Dapatan Temu bual dengan Informan Berkaitan dengan Program Kerajaan.....80
Jadual 4.2	Dapatan Pengenalpastian Subtema Bantuan Kerajaan.....82
Jadual 5.1	Hasil Temu Bual dengan Informan Berkaitan Daya Tahan Petani Muda.....110
Jadual 5.2	Hasil Identifikasi Sub Tema terkait Daya Tahan Petani Muda ..... 113
Jadual 6.1	Hasil Temu bual dengan Informan terkait Faktor Penyokong Keupayaan Petani Muda dalam Menyumbang Daya Tahan Petani Muda.....162
Jadual 6.2	Hasil Pengenalpastian Sub Tema Berkaitan dengan Faktor Penentu Keupayaan Petani Muda yang Menyumbang Kepada Daya Tahan Petani Muda .....166

## SENARAI RAJAH

### Halaman

Rajah 1.1	Peratusan Petani Muda di Negara-negara Kesatuan Eropah .....	4
Rajah 2.1	Persentase Sumbangan Sektor Pertanian pada GDP 1996 – 2016....	30
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual Kajian .....	49
Rajah 3.1	Proses Analisis Data Pendekatan Kualitatif .....	59
Rajah 3.2	Dokumentasi Temu Bual dengan Pejawat Kerajaan.....	65
Rajah 3.3	Dokumentasi Temu Bulanan dengan Petani Muda.....	65
Rajah 3.4	Pengkategorian Keputusan Temubual dengan Microsoft Excel.....	73
Rajah 4.1	Sub Tema Bantuan Kerajaan .....	83
Rajah 5.1	Sub-sub Tema Daya Tahan Petani Muda .....	115
Rajah 6.1	Sub-sub Tema Faktor Penentu Keupayaan Petani Muda yang Menyumbang Kepada Daya Tahan Petani Muda .....	169
Rajah 6.2	Contoh Kad Tani .....	192
Rajah 7.1	Peta Minda Bantuan Kerajaan .....	223
Rajah 7.2	Peta Minda Daya Tahan Petani Muda .....	226
Rajah 7.2	Peta Minda Faktor Penentu Keupayaan Petani Muda dalam Menyumbang Daya Tahan Petani Muda.....	228

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A. Surat Kebenaran Penyelidikan

Lampiran B. Instrumen Kajian

Lampiran C. Jadual Pemetaan Tema – Sub Tema

**DAYA TAHAN PETANI MUDA**  
**DI BOYOLALI, JAWA TENGAH, INDONESIA**

**ABSTRAK**

Sektor pertanian merupakan sektor penting dalam perkembangan ekonomi bagi sesebuah negara. Pelbagai dasar dan pelan strategik dibangunkan bagi memastikan pembangunan sektor pertanian dapat berkembang dengan baik. Di sebalik perancangan rapi membangunkan sektor pertanian, masalah penglibatan petani muda kerap dilihat sebagai halangan dalam menjayakan dasar ini. Kajian ini menghujahkan bahawa di sebalik masalah penglibatan petani muda dalam sektor pertanian, masih ada lagi penglibatan petani muda dalam sektor ini. Justeru itu, kajian ini terpanggil untuk merungkai aspek daya tahan petani muda ini terus kekal dan mampu beradaptasi dengan perubahan pembangunan khususnya dalam sektor pertanian ini. Terdapat tiga (3) objektif dalam kajian ini iaitu mengenal pasti program yang dilaksanakan kerajaan yang memperkasakan keupayaan dan daya tahan petani muda di Boyolali, Jawa Tengah, Indonesia; menganalisis daya tahan petani muda di Boyolali, Jawa Tengah, Indonesia; dan menilai keupayaan petani muda dalam menyumbang daya tahan petani muda di Boyolali, Jawa Tengah, Indonesia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan teknik fenomenologi. Seramai 25 orang informan telah terlibat dalam kajian ini, yang telah dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan dan bebola salji. Hasil kajian mendedahkan bahawa pembangunan sumber manusia, bantuan kewangan dan program peningkatan pengeluaran oleh kerajaan telah menjadikan daya tahan petani muda semakin kukuh. Sokongan ini turut dikukuhkan lagi dengan status karakteristik individu, sokongan sosial, kerohanian/ kepercayaan/ budaya, faktor alam sekitar, dan



warisan keluarga untuk menjadikan petani muda ini terus cekal dalam sektor pertanian ini. Akhirnya menjelmakan daya tahan sebenar petani muda menerusi aspek spiritualiti, personaliti dalaman dan motivasi diri dalam memastikan sektor pertanian ini relevan kepada petani muda ini. Hasil kajian ini dilihat penting dalam memberi input yang bermakna kepada perancangan dasar dan pelan strategik bagi memperkasakan sektor pertanian ini.

**RESILIENCE OF YOUNG FARMERS  
IN BOYOLALI, CENTRAL JAVA, INDONESIA**

**ABSTRACT**

The agricultural sector is an important sector in the economic development of a country. Various policies and strategic plans are developed to ensure that the development of the agricultural sector can grow well. Despite careful planning to develop the agricultural sector, the problem of young farmers' involvement is often seen as an obstacle to the success of this policy. This study argues that despite the problem of young farmers' involvement in the agricultural sector, there is still more young farmers' involvement in the sector. Therefore, this study is called to dismantle the aspects of resilience of these young farmers to remain and be able to adapt to changes in development, especially in the agricultural sector. There are three (3) objectives in this study, namely to identify programs implemented by the government that strengthen the capacity and resilience of young farmers in Boyolali, Central Java, Indonesia; analyzing the resilience of young farmers in Boyolali, Central Java, Indonesia; and assess the ability of young farmers in contributing to the resilience of young farmers in Boyolali, Central Java, Indonesia. This study uses a qualitative approach by applying phenomenological techniques. A total of 25 informants were involved in this study, who were selected using purposive and snowball sampling techniques. The results of the study revealed that human resource development, financial assistance and production increase programs by the government have made the resilience of young farmers stronger. This support is further strengthened by the status of individual characteristics, social support, spirituality/ belief/ culture, environmental factors, and family heritage to make these young farmers continue to thrive in this agricultural sector. Which ultimately

embodies the true resilience of young farmers through aspects of spirituality, inner personality and self -motivation in ensuring that this agricultural sector is relevant to these young farmers. The results of this study are seen as important in providing meaningful input to policy planning and strategic plans to strengthen the agricultural sector.

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Sektor pertanian merupakan sektor penting dalam pertumbuhan pembangunan dan ekonomi sesebuah negara. Terdapat sesetengah negara yang meletakkan fokus pembubaran dasarnya ke arah sektor pertanian yang lebih moden dengan teknologi terkini. Manakala terdapat banyak negara yang begitu bergantung dengan sumber pertanian negara luar untuk tujuan memenuhi keperluan makan dalam negara.

Sungguhpun aspek pertanian ini mempunyai prospek yang baik ke arah pembangunan dan ekonomi sesebuah negara, masih terdapat kekangan lain yang menghantui perkembangan sektor pertanian ini antaranya tenaga buruh yang makin merosot, teknologi yang mahal, sumber pendapatan yang tidak menentu, kawasan pertanian terhad, konflik guna tanah, bencana serta dasar kerajaan yang tidak membantu. Kekangan-kekangan ini dilihat sering menghantui dan menjadi masalah yang seragam dengan kebanyakan negara-negara yang berorientasikan sektor pertanian.

Penyertaan golongan muda dalam sektor pertanian hari ini sangat berkurangan bahkan hampir menjadi masalah utama yang tidak hanya di negara maju bahkan di negara membangun juga. Sungguhpun banyak kajian para sarjana telah membuktikan bahawa sektor pertanian mempunyai prospek margin keuntungan yang besar, tetapi ia masih gagal menarik golongan muda untuk bekerja di sektor ini.

Kajian ini melihat bahawa perlu ada mekanisma yang jelas dalam merangka dasar dan program pembangunan khusus untuk golongan muda supaya berminat dengan sektor pertanian dan tahu bahawa sektor ini sebenarnya memberi pulangan

dan potensi yang besar kepada mereka. Penelitian awal terhadap penyertaan golongan muda di sektor pertanian turut tidak boleh dinafikan walaupun jumlah mereka tidak ramai. Namun, daya tahan petani muda dalam sektor pertanian ini adalah suatu yang menarik untuk dirungkai agar elemen kekuatan daya tahan petani muda dalam sektor ini dapat dijadikan rujukan dan panduan dalam pembangunan ekonomi petani muda yang lebih baik.

Menurut Meijerink dan Roza (2007), pada kajian sektor pertanian di Afrika, membuktikan bahawa sektor pertanian menyerap lebih daripada 53 peratus daripada jumlah tenaga kerja yang ada, bahkan 60 peratus dari jumlah tenaga kerja. Roser (2013) menguraikan tentang peranan sektor pertanian dalam menyerap tenaga kerja di beberapa negara di benua Afrika seperti yang disajikan pada Jadual 1.1. berikut.

#### Serapan Tenaga Kerja pada Sektor Pertanian di Afrika

Jadual 1.1 Serapan Tenaga Kerja pada Sektor Pertanian di Afrika

No	Negara	Serapan Tenaga Kerja Sektor Pertanian
1	Mauritania	75.87 peratus
2	Guinea	68.22 peratus
3	Niger	75.61 peratus
4	Chad	87.19 peratus
5	Camerun	62.01 peratus
6	Afrika Tengah	85.64 peratus
7	Sudan	3.33 peratus
8	Sudan Selatan	64.92 peratus
9	Ethiopia	68.22 peratus
10	Somalia	86.21 peratus
11	Tanzania	66.71 peratus
12	Republik Congo	81.93 peratus
13	Mozambique	73.39 peratus
14	Madagascar	74.41 peratus
15	Afganistan	62.19 peratus
16	Afganistan	62.19 peratus
17	Nepal	71.74 peratus
18	Laos Afrika Selatan	61.34 peratus
19	Kepulauan Solomon	69.64 peratus

Sumber : Roser (2013)

Di negara Asia Tenggara, sektor pertanian juga menyerap lebih daripada 29 peratus daripada jumlah tenaga kerja yang ada. ASEAN Statistic (2021) menguraikan tentang peranan sektor pertanian dalam menyerap tenaga kerja di beberapa negara di Asia Tenggara seperti yang disajikan pada Jadual 1.2. berikut.

Jadual 1. 2. Serapan Tenaga Kerja pada Sektor Pertanian di Asia Tenggara

No	Negara	Serapan Tenaga Kerja Sektor Pertanian
1	Myanmar	48.9 peratus
2	Laos	45.4 peratus
3	Vietnam	35.7 peratus
4	Thailand	35.0 peratus
5	Kamboja	33.1 peratus
6	Indonesia	29.8 peratus
7	Filipina	26.0 peratus
8	Malaysia	12.4 peratus
9	Brunei Darussalam	1.3 peratus
10	Singapore	-


Sumber: ASEAN Statistic Yearbook (2021)

Walaupun menjadi pekerjaan majoriti penduduk sejak tahun 1950, sumbangan sektor pertanian ini kepada *Gross Domestic Bruto* di negara-negara Asia Tenggara, Asia Timur & Pasific, Sub Saharan Afrika, Erop & Asia Tengah, Timur Tengah & Afrika Utara, Amerika Selatan & Karibian mengalami penurunan dari masa ke masa dan bahkan dijangkakan akan terus turun hingga 2030. Sebagai sektor yang menjadi tulang belakang penduduk di dunia, serta sektor yang dapat menyumbang pada peningkatan kesejahteraan dan penurunan angka kemiskinan, di sisi lain sumbangan terhadap *Gross Domestic Bruto* yang selalu menurun, maka sektor pertanian menjadi sektor yang penting untuk dikaji dan mendapat perhatian dari berbagai pihak berkepentingan.

Walaupun sektor pertanian merupakan sektor yang memainkan peranan penting untuk pertumbuhan ekonomi suatu bangsa, namun generasi baru di sektor pertanian merupakan masalah yang dihadapi oleh semua negara yang

mengembangkan sektor pertanian. Di Amerika Syarikat daripada 3.3 juta penduduk yang bekerja sebagai petani, 8 peratus daripadanya terdiri dari petani berusia kurang dari 35 tahun, 58 peratus petani berusia 35 - 64 tahun, dan 34 peratus petani berusia lebih dari 65 tahun (USDA, 2017).

Fenomena turut berlaku di negara-negara Kesatuan Eropah. Mengikut data Eurostat (2018), petani muda di negara-negara Kesatuan Eropah juga terhad. Data statistik di negara-negara kesatuan Eropah disajikan pada Rajah 1.1. berikut.



Rajah 1.1 Peratusan Petani Muda di Negara-negara Kesatuan Eropah  
Sumber : Eurostat, 2018

Berdasar pada Rajah 1.1 terlihat jelas bahawa peratusan petani muda di negara-negara Kesatuan Eropah adalah rendah. Berdasarkan rajah di atas, purata

petani muda di negara Kesatuan Eropah hanya 11 peratus, selebihnya adalah petani tua berumur lebih 65 tahun.

Di Australia, petani berusia dibawah 35 tahun adalah seramai 24 peratus dan selebihnya berusia lebih dari 35 tahun (Binks et al., 2018). Sementara petani di Afrika rata-ratanya berumur 60 tahun, sedangkan penduduk di Afrika 60 peratus berusia di bawah 25 tahun (FAO, 2014).

Hampir di setiap negara Asia – Pasifik, jumlah petani dari kalangan pemuda menurun. Ini disebabkan oleh berkurangnya penduduk di kawasan desa. Usia rata-rata petani di Thailand dilaporkan 52 tahun (Saiyut et al., 2017), di Filipina usia rata-rata petani adalah 57 tahun (Palis, 2020), di China usia rata-rata petani adalah 55 tahun (Yang, 2013), di Amerika Syarikat rata-rata usia petani lebih dari 58 tahun dan di Jepun lebih dari 67 tahun (Jöhr, 2012), sedangkan di Indonesia rata-rata 53 tahun (Dewi et al., 2018). Di kebanyakan negara, petani dinilai sebagai pekerjaan untuk orang tua dan wanita. Huraian ini menunjukkan di semua benua di dunia bahawa petani yang berasal dari generasi muda sangat terhad. Hal ini menjadi salah satu ancaman serius dalam usaha mempertahankan kelestarian sektor pertanian dunia.

Walaupun hampir di semua negara di dunia, populasi petani muda adalah terhad, tetapi masih ada generasi muda yang terlibat dalam sektor pertanian. Di Amerika terdapat fenomena semakin banyak orang muda meninggalkan pekerjaan dari pegawai menjadi petani (Dewei, 23 November 23, 2017 di Washington Post). Petani muda di Eropah juga banyak membentuk organisasi-organisasi yang beranggotakan petani muda (CEJA, 2018). Di Australia terdapat Dewan Penasihat Petani Muda untuk mengembangkan petani muda di Australia. Di Indonesia ada sekelompok pemuda yang menamakan diri sebagai “Taruno Tani” yang ertinya generasi pemuda yang aktif dalam sektor pertanian (Widiyanti et al., 2018). Ditengah



keesatan pembangunan bandar dan globalisasi para petani muda yang bergabung dalam “Taruno Tani” tetap setia mengembangkan pertanian di desa. Walau petani muda di sektor pertanian terhad, tetapi asih ada petani muda yang masih tertarik pada sektor pertanian, sehingga kajian ini menarik untuk dilakukan.

Kajian ini penting dilakukan kerana Indonesia sebagai negara agraris dengan sumberdaya yang banyak di sektor pertanian tetapi mengalami masalah berkaitan kelestarian petani. Hasil kajian ini dapat digunakan sebagai rujukan untuk memberikan perhatian dan perlakuan kepada petani muda yang kekal di sektor pertanian walaupun ramai generasi muda meninggalkan pekerjaan sebagai petani. Dengan mengetahui apa yang menjadi penyebab petani muda kekal di sektor pertanian, dapat menjadi informasi dalam pembuatan dasar kerajaan untuk melestarikan petani muda. Jika ketersediaan petani lestari, maka pengeluaran di sektor pertanian juga akan lestari sehingga dapat menampung keperluan makan masyarakat. Jika hal ini dilaksanakan semua negara di dunia, maka ketahanan makanan untuk setiap negara juga terjaga. Akhirnya, secara akumulasi akan menjaga ketahanan makan dunia.

## **1.2 Cabaran Sektor Pertanian dan Daya Tahan Petani Muda di Luar Bandar**

Cabaran yang dihadapi sektor pertanian di luar bandar untuk kekal lestari diuraikan sebagai berikut.

### **1.2.1 Keselamatan Makanan Dunia**

Menjadikan sektor pertanian sebagai sokongan untuk keselamatan makanan dunia adalah cabaran terbesar bagi sektor pertanian pada abad ke-21. Cabaran utamanya adalah menghasilkan makanan yang cukup untuk memberi makan kepada

penduduk dunia yang semakin meningkat. Penduduk dunia boleh mencapai lapan (8) bilion orang menjelang 2025.

Hampir semua negara mengalami peningkatan dua bilion orang dalam tempoh 25 tahun akan datang akan berlaku di negara-negara membangun (McCalla, 2001). Pertumbuhan penduduk dunia sangat berkadar berbanding dengan pertumbuhan petani dan kawasan pertanian di dunia (Lowder et al., 2016) dan sebilangan kecil petani muda juga (FAO, 2014). Keperluan makanan dunia yang tinggi yang tidak sepadan dengan jumlah petani, menjadi cabaran yang teruk bagi sektor pertanian.

### **1.2.2 Kadar Kemiskinan yang tinggi di Kawasan Luar Bandar**

Kadar kemiskinan yang tinggi di kawasan luar bandar menjadi cabaran bagi sektor pertanian di kawasan luar bandar. Sekitar 70 peratus orang miskin masih tinggal di luar bandar, kebanyakan mereka mengambil bahagian atau semua pendapatan mereka daripada kegiatan pertanian. Ini bermakna masih ramai petani kecil dan umumnya miskin, hidup dalam kemiskinan atau berdekatan dengan garis kemiskinan (McCalla, 2001). Kemiskinan luar bandar adalah sama dan budaya masyarakat luar bandar menganggap kemiskinan bukan masalah (Commins, 2004; Schultz, 1979). Kemiskinan di kawasan luar bandar adalah salah satu daripada mereka yang disebabkan oleh pengangguran yang tinggi (Budiantara et al., 2011; Oyen & Wilson, 1999; Saunders, 2002; Siyan et al., 2016). Kadar pengangguran lebih didominasi oleh generasi muda dari kawasan luar bandar berbanding generasi muda dari kawasan bandar. Keadaan ini juga berlaku di negara-negara membangun pada umumnya (Valle, 2012). Ramai pemuda mempunyai pekerjaan tetapi tidak kukuh, tidak mencukupi dan kualiti kerja yang rendah dalam sektor tidak rasmi (White, 2012). Pembangunan pertanian dalam menyediakan kebajikan kepada

penduduk luar bandar melalui peningkatan yang lestari dan peningkatan produktiviti pertanian (Nchuchuwe & Adejuwon, 2012). Peningkatan yang lestari dan peningkatan produktiviti memerlukan mekanisasi dalam bidang pertanian dan tidak memerlukan kos yang kecil. Ini sukar bagi petani luar bandar yang miskin.

Cabaran yang dihadapi pertanian global ialah membangunkan teknologi, dasar dan institusi yang menyumbang untuk melepaskan potensi penuh pertanian sebagai enjin pertumbuhan. Untuk memenuhi cabaran ini, petani perlu mendapatkan akses ke pasaran domestik dan antarabangsa.

### **1.2.3 Penghijrahan**

Penghijrahan adalah pemindahan kediaman di luar rantau atau negara sama ada sementara atau kekal atas alasan tertentu. Penghijrahan di Indonesia kebanyakan dilakukan oleh generasi muda yang kebanyakan meninggalkan kawasan luar bandar kerana bekerja di kilang, pembantu rumah di negara maju di Asia dan Timur Tengah (Nugraha dan Herawati, 2014). Selain penghijrahan lintas bangsa, juga terjadi penghijrahan dari luar bandar ke bandar. Biro Perangkaan Pusat di Indonesia mencatat, pada tahun 2020 sebanyak 56.7 peratus orang Indonesia tinggal di bandar (Rizaty, 2021). Penghijrahan di Afrika kebanyakannya dilakukan oleh orang muda yang kebanyakannya meninggalkan kawasan luar bandar keluar Afrika kerana konflik sosial (Martin, 2013; White, 2012).

Mereka meninggalkan kawasan luar bandar keluar negara dengan menukar pekerjaan dan menghantar wang kepada keluarga yang tertinggal. Dengan penghijrahan ini, penyertaan golongan muda dalam sektor pertanian sangat rendah.

#### **1.2.4 Generasi muda tidak pasti dengan kerjaya mereka dan masa depan sebagai petani**

Cabaran ini adalah tanggungjawab semua pihak berkepentingan untuk dapat mengubah paradigma generasi muda yang berkaitan dengan pertanian. Kebanyakan golongan muda mempunyai persepsi yang tidak baik dari segi pendapatan, status sosial, dan keselesaan kerja dalam sektor pertanian. Golongan muda tidak menilai mendalam tentang pekerjaan sebagai petani dari segi pembangunan kerjaya dan keselamatan hidup masa depan (Widiyanti et al., 2018).

Pemuda bimbang tentang kekurangan kerjaya dan jaminan kehidupan masa depan jika mereka bekerja di sektor pertanian (Widiyanti et al., 2018). Dengan penilaian golongan muda yang bekerja di sektor pertanian adalah pembangunan kerjaya dan jaminan usia tuanya tidak pasti, tentu sahaja ia dapat menjadi punca kurangnya minat golongan muda dalam bekerja di sektor pertanian. Bukti lain yang menunjukkan bahawa minat pemuda yang bekerja di sektor pertanian rendah di semua benua di dunia, umur purata petani lebih daripada 50 tahun (Binks et al., 2018; Dewi et al., 2018; Eurostat, 2018; FAO, 2016, 2017; USDA NASS, 2019). Kurangnya penyertaan generasi muda dalam sektor pertanian menjadi cabaran yang teruk untuk mengekalkan kesinambungan sektor pertanian.

Walaupun dalam pembangunan sektor pertanian terdapat banyak cabaran yang harus dihadapi, terutamanya berkaitan dengan jumlah kecil pemuda yang terlibat dalam pekerjaan di sektor pertanian, masih ada golongan muda yang terlibat dalam sektor pertanian. walaupun sedikit, ia masih boleh menjadi harapan untuk kelestarian sektor pertanian.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Penglibatan langsung golongan muda dalam sektor pertanian mampu menjadikan sektor ini kekal lestari dan berkesinambungan. Penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian adalah penting dalam menjamin kualiti kehidupan yang lebih baik. Permasalahan kajian ini adalah keupayaan golongan muda dalam sektor pertanian untuk menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik dalam persekitaran pembangunan yang semakin kompleks dan mencabar. Konflik pembangunan antara sektor pertanian dan sektor perindustrian bukanlah suatu perkara yang asing dan isu yang baru. Selain, konflik pembangunan di atas tanah pertanian, isu berkaitan dengan tenaga buruh juga sering diperbahaskan dalam banyak kajian-kajian lalu. Hari ini, pembangunan perindustrian di beberapa negara membangun telah menggantikan sektor pertanian di kawasan luar bandar, walaupun sektor pertanian merupakan sektor penting bagi komuniti luar bandar khusus untuk menyokong ekonomi keluarga (Delgado & Siamwalla, 1997; Deller et al., 2003; Nchuchuwe & Adejuwon, 2012)

Penglibatan golongan muda yang semakin merosot menceburi sektor pertanian turut dilihat sebagai salah satu faktor utama yang terpaksa dilalui oleh kebanyakan negara, khususnya negara-negara yang meletakkan fokus pembangunan sektor pertanian bagi merencanakan pembangunan ekonomi kawasan. Pelbagai inisiatif yang diperuntukan kerajaan dilihat masih gagal untuk menarik golongan muda bergiat aktif dalam aktiviti pertanian. Kajian yang dilakukan oleh Gupito et al., (2016); Kumalasari *et al.*, (2019); Nugraha dan Alamsyah (2019) pernah mendedahkan bahawa sektor pertanian ini turut memberikan pulangan yang lumayan kepada pengusahanya. Di sebalik masalah penyertaan golongan muda ini dalam sektor pertanian, masih ada juga golongan muda yang aktif dalam sektor pertanian di atas beberapa faktor seperti warisan keluarga, minat yang mendalam, keinginan bekerja

sendiri, motivasi dari rakan-rakan, inisiatif yang disediakan oleh agensi kerajaan/swasta dan sebagainya.

Kajian ini melihat, faktor utama pemuda minat dalam sektor pertanian adalah suatu yang harus dirungkai secara sistematik. Penelitian keupayaan pemuda dalam sektor pertanian ini dilihat begitu terhad dan terbatas dibincang secara terbuka dan ilmiah. Kajian ini cuba menghujahkan bahawa lompang dalam merungkai secara sistematik elemen keupayaan daya tahan pemuda dalam sektor pertanian adalah penting. Elemen keupayaan daya tahan pemuda harus dilihat dari pelbagai aspek agar ia mampu dijadikan asas panduan dalam merangka pembangunan yang lebih terfokus kepada golongan muda khusus untuk bergiat aktif dalam sektor pertanian.

Data Bank Dunia menunjukkan bahawa terdapat peningkatan pemuda yang menganggur dari tahun 2016 sehingga 2018 sebanyak 0.15 peratus, walaupun jumlah peratus peningkatan ini terlalu kecil ia masih memberikan isyarat jelas masalah yang dihadapi golongan muda. Bahkan, turut membuktikan bahawa kewujudan perindustrian tidak semestinya menyelesaikan masalah pengangguran dalam kalangan pemuda. Perindustrian di luar bandar menyebabkan generasi muda luar bandar meninggalkan sektor pertanian, atau tidak berminat untuk membangunkan sektor pertanian walaupun dari segi pendapatan mereka lebih tinggi daripada pendapatan sebagai pekerja di kilang. Di Indonesia, pendapatan purata seorang petani adalah Rp 3.99 juta/bulan (Sabarella et al., 2014). Manakala upah purata pekerja kilang adalah Rp 1.5 juta/bulan (Disnaker RI, 2018). Kajian yang dilakukan oleh Kumalasari et al., (2019) pada Petani Gula Tebu di Kawasan Kudus, Jawa Tengah Indonesia menunjukkan bahawa pendapatan seorang petani gula tebu lebih tinggi daripada upah minimum daerah. Pendapatan petani gula tebu antara Rp 4.84

juta/bulan – Rp 16.43 juta/bulan. Sementara upah minimum daerah sebesar Rp 1.89 juta/bulan.

Kadar pemindahan pekerjaan yang tinggi dari sektor pertanian adalah disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi dari sektor bukan pertanian, perkembangan teknologi, pengurangan kawasan pertanian, amalan kerajaan yang berkaitan dengan harga produk pertanian (Barkley, 1990), kemerosotan kemahiran pemuda, penurunan kualiti pertanian, kemerosotan kualiti kehidupan luar bandar, pengabaian kronik dalam pertanian berskala kecil dan infrastruktur luar bandar, peningkatan dalam masalah pemuda luar bandar, persepsi yang semakin meningkat bahawa jika mereka menjadi petani kecil, mereka mesti memiliki tanah sejak muda (White, 2012). Di samping itu, ia juga disebabkan oleh kos pengeluaran yang tinggi, konflik dalam sektor pertanian, keadaan tidak selamat, dan beban cukai yang tinggi terhadap produk pertanian (Bello et al., 2015).

Selain itu, kajian ini juga menemui kajian lepas tentang faktor-faktor yang menyebabkan generasi pemuda di kawasan luar bandar berminat untuk bekerja di sektor pertanian (Pelzom et al., 2017; Susilowati, 2014). Kajian bebas ini hanya mengkaji minat generasi muda terhadap sektor pertanian dari perspektif persepsi generasi muda dan belum bertindak sebagai petani. Kajian tentang keberteranan nelayan juga telah dijalankan oleh Aguado et al., (2016) yang menyatakan bahawa keberteranan nelayan ditentukan oleh dimensi ekologi, ekonomi, sosial, teknologi, etika, dan institusi. Manakala petani terumbu karang boleh bertahan kerana faktor sosial dan ekologi (Cinner et al., 2009).

#### **1.4 Objektif Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah diperlihatkan di atas, kajian ini secara umumnya bertujuan mengenal pasti dan menganalisis daya tahan petani muda pada sektor pertanian.

Secara khusus kajian ini bertujuan :

- i. Mengenal pasti program yang dilaksanakan kerajaan yang memperkasakan keupayaan dan daya tahan petani muda di Boyolali, Jawa Tengah, Indonesia.
- ii. Menganalisis daya tahan petani muda di Boyolali, Jawa Tengah, Indonesia.
- iii. Menilai keupayaan petani muda dalam menyumbang daya tahan petani muda di Boyolali, Jawa Tengah, Indonesia.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Untuk mencapai setiap tujuan tersebut, cadangan kajian ini menggariskan pada beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah program yang dilaksanakan kerajaan dalam memperkasakan keupayaan dan daya tahan petani muda di Boyolali, Jawa Tengah, Indonesia?
- ii. Sejauh manakah daya tahan petani muda di Boyolali, Jawa Tengah, Indonesia?
- iii. Sejauh manakah keupayaan petani muda dalam menyumbang daya tahan petani muda di Boyolali, Jawa Tengah, Indonesia?

### **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian ini adalah daya tahan petani muda di luar bandar yang terus bekerja di sektor pertanian walaupun ramai golongan muda yang meninggalkan sektor pertanian dan berpindah ke sektor lain. Penyelidikan ini merangkumi yang pertama, mengenal pasti program pembangunan sektor pertanian di luar bandar yang diberikan kerajaan (khususnya untuk petani muda). Kedua, Menganalisis daya tahan petani muda dalam sektor pertanian. Ketiga, merungkai faktor-faktor daya tahan petani muda di Boyolali yang terlibat aktif dalam pertanian di kawasan luar bandar.



Batasan kajian bermaksud kekangan-kekangan yang terpaksa dilalui ketika kajian ini dilakukan. Terdapat batasan atau kekangan ketika kajian ini dilakukan antaranya kawasan kajian, konsep yang digunakan, dan informan kajian.

Kawasan kajian dilaksanakan di kawasan Boyolali, Jawa Tengah, Indonesia. Boyolali merupakan salah satu distrik di Jawa Tengah, Indonesia yang menjadi salah satu penyokong keperluan makan untuk masyarakat Jawa Tengah maupun Indonesia. Boyolali mampu surplus tujuh (7) dari sepuluh (10) komoditas strategis untuk mampu mencukupi keperluan makan sendiri. Sektor pertanian menjadi andalan pendapatan masyarakat di kawasan ini. Pergerakan ke kawasan kajian memerlukan prosedur tertentu yang perlu dipatuhi. Kajian ini dijalankan terhadap petani muda dan pihak berkepentingan sektor pertanian di Boyolali, Jawa Tengah, Indonesia. Penentuan batas lokasi ini memudahkan penyelidik mendapatkan data primer dalam tempoh yang ditetapkan tanpa melibatkan kos yang tinggi.

Konsep yang digunakan pada kajian ini adalah ketahanan petani muda yang diteroka dengan pendekatan keupayaan individu. Ketahanan memiliki erti bahawa petani muda di Boyolali terus bekerja di sektor pertanian dengan pelbagai kesulitan dan ketidakpastian yang terjadi, petani muda secara semulajadi melakukan pelbagai usaha untuk terus mempertahankan diri (Bhamra et al., 2011; Scoloveno, 2016).

Memandangkan kajian ini melibatkan petani muda dari luar bandar di Boyolali, kekangan dalam mendapatkan informan turut menjadi kekangan dalam kajian ini. Informan bagi kajian ini terbatas pada petani muda di luar bandar Boyolali dan pihak berkepentingan dari kerajaan yang mengurus sektor pertanian di Boyolali.

## **1.7 Definisi Operasional**

Bahagian ini mengemukakan definisi pada kata kunci konstruk utama yang digunakan dalam kajian ini. Terdapat sepuluh (10) kata kunci untuk menjelaskan

maksud yang diguna dalam tesis ini, iaitu : Daya tahan, keupayaan individu, karakteristik individu, sokongan sosial, kerohanian/kepercayaan/budaya, pembangunan modal insan, generasi muda, pembangunan pertanian, sektor pertanian desa, dan dasar kerajaan.

### **1.7.1 Daya Tahan**

Daya tahan para petani muda dalam kajian ini bertumpu kepada keupayaan untuk bertahan hidup petani muda dalam mengekalkan diri mereka terus bekerja di sektor pertanian walaupun banyak yang ditinggalkan oleh masyarakat luar bandar, khususnya generasi pemuda di desa, walaupun sektor pertanian mengalami masa-masa sulit, kegagalan berulang dan syarat-syarat yang sangat tidak pasti.

Dalam mempertahankan diri untuk terus bekerja di sektor pertanian dengan pelbagai kesulitan dan ketidakpastian yang terjadi, petani muda secara semulajadi melakukan pelbagai usaha untuk terus mempertahankan diri (Bhamra et al., 2011; Holling, 2013; Hollingshead, 1975; Scoloveno, 2016). Ini bermakna, ketahanan petani muda dalam sektor pertanian adalah bagaimana golongan pemuda menangani segala kesulitan, ketidakpastian yang berlaku di sektor pertanian sehingga walaupun ramai yang meninggalkan sektor pertanian, petani muda tidak dipujuk dan terus bekerja di sektor pertanian. Ketahanan adalah sebahagian daripada *Positive Psychological Capital* bersama-sama dengan harapan, keyakinan, dan sikap diri (Luthans et al., 2006). Dengan demikian, kemampuan bertahan dapat menjadi modal bagi individu untuk dapat meningkatkan prestasi, termasuk pada sektor pertanian. Ketahanan individu ditunjukkan oleh individu yang boleh berkembang dan berkembang di bawah keadaan tekanan tinggi dan perubahan dinamik. Untuk dapat bertahan, individu memerlukan kepakaran dan keupayaan (Coutu, 2002), kesediaan untuk bertahan (Greeff & Du Toit, 2009; Werner, 2004), keupayaan dan kesediaan

(Bhamra et al., 2011; Hollingshead, 1975). Ini bermakna, ketika seseorang telah terbukti mampu mengatasi keadaan sulit, dia memiliki keterampilan, kemampuan, atau kemauan untuk mengatasi kesulitan dan ketidakpastian yang mungkin terjadi.

Kajian ini menunjukkan bahawa tindakan tetap bertahan sebagai petani di luar bandar memang sudah menjadi pilihan petani muda dengan berbagai konsekuensi yang dihadapi didukung keterampilan, kemampuan, dan kesediaan untuk mempertahankan dirinya tetap bekerja di sektor pertanian luar bandar secara penuh sukarela, dengan komitmen tingkat tinggi lebih dari loyal, tetapi lebih pada ikatan yang kuat dengan sektor pertanian.

### **1.7.2 Generasi Muda**

Generasi muda dalam konteks kajian ini merujuk kepada kajian yang telah dijalankan oleh Susilowati (2014), iaitu penduduk dengan usia 15 – 40 tahun. Negara-negara berbeza dengan definisi pemuda dan masa kanak-kanak, dari yang paling rendah pada usia 7 dan berumur sehingga umur 39 tahun (ILO, 2005). Dalam beberapa kajian, had umur muda hanya terhad kepada umur 40 tahun (Murphy, 2012). Secara umum, muda boleh ditakrifkan sebagai peringkat dalam kitaran hayat sebelum kehidupan dewasa bermula, dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti usia purata di mana anak-anak muda menyelesaikan pendidikan asas dan latihan dan secara purata umur mereka dijangka mula memainkan peranan dewasa dalam komuniti (ILO, 2005).

Di sesetengah negara, pengkategorian usia muda berbeza-beza. Kategori muda di negara-negara Kesatuan Eropah adalah di bawah umur 35 tahun (Davis et al., 2013), kategori muda di Victoria – Australia adalah orang yang berumur 40 tahun atau di bawahnya (Murphy, 2012), kategori muda di Perancis, United Kingdom, dan Canada adalah orang yang berumur dibawah 40 tahun (Murphy, 2012), kategori

muda di Amerika Syarikat adalah orang yang berumur di bawah 35 tahun (Kaufman, 2013; Murphy, 2012), kategori muda di Indonesia adalah orang yang berumur 15 – 40 tahun (Susilowati, 2014). Dalam konteks kajian ini, petani muda adalah orang-orang yang berumur 15 – 40 tahun yang bekerja dalam sektor pertanian.

### **1.7.3 Pembangunan Pertanian**

Pembangunan pertanian dapat didefinisikan sebagai proses perubahan sosial. Pelaksanaan ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan status dan kebajikan para petani, tetapi pada masa yang sama juga bertujuan untuk mengembangkan potensi sumberdaya manusia baik secara ekonomi, sosial, politik, budaya, lingkungan, melalui peningkatan, pertumbuhan dan perubahan (Iqbal et al., 2016).

Kesusasteraan klasik pembangunan pertanian yang ditulis oleh (Mosher, 1966) yang bertajuk “*Getting Agriculture Moving*” terangkan semata-mata dan jelas keperluan asas dan keperluan fasilitator dalam pembangunan pertanian. Prinsip untuk pembangunan pertanian termasuk: (1) terdapat pasaran untuk produk pertanian, (2) teknologi yang sentiasa berkembang, (3) ketersediaan bahan-bahan dan perangat produksi secara tempatan, (4) terdapat perangsang produksi bagi petani, dan (5) ketersediaan pengangkutan yang lancar dan berterusan. Syarat-syarat untuk memudahkan pembangunan pertanian termasuk: (1) pendidikan pembangunan, (2) kredit produksi, (3) kegiatan kerjasama petani, (4) peningkatan dan pengembangan lahan pertanian, dan (5) perencanaan pembangunan nasional untuk pertanian. Beberapa negara sedang membangun, termasuk Indonesia, ikut nasihat dan langkah dasar yang dicadangkan oleh Moseher (1966).

### **1.7.4 Sektor Pertanian di Desa**

Sektor pertanian di desa dalam kajian ini adalah semua kegiatan penanaman atau pertanian tanaman dan meningkatkan peternakan di luar bandar untuk

memenuhi keperluan makanan manusia baik secara lokal maupun nasional atau global.

Pertanian adalah aktiviti penggunaan sumber biologi dan haiwan yang dijalankan oleh manusia untuk menghasilkan makanan, bahan mentah industri atau sumber tenaga untuk mengekalkan populasi manusia global dan mengurus alam sekitar (Harris & Fuller, 2014). Kamus Bahasa Inggeris Oxford (1971) mendefinisikan pertanian secara luas sebagai "sains dan seni menanam tanah, termasuk usaha kelompok untuk mengumpulkan hasil tanaman dan mengekalkan bekalan hidup, pemrosesan tanah, penternakan haiwan dan pertanian yang luas. Aktiviti penggunaan sumber biologi yang dimasukkan ke dalam pertanian biasanya difahami oleh orang sebagai penanaman tanaman dan juga penjanaan ternakan. Kumpulan sains pertanian mengkaji pertanian dengan sokongan sains pendukungnya. Intipati sains pertanian adalah biologi dan ekonomi. Oleh sebab pertanian sentiasa terikat oleh masa dan ruang, ilmu pengetahuan yang menyokong, seperti sains tanah, meteorologi, jentera pertanian, biokimia, dan statistik, juga dikaji dalam bidang pertanian. Usaha tani adalah bahagian utama dari pertanian kerana menyangkut sekumpulan kegiatan yang dilakukan dalam budidaya. Petani adalah istilah bagi mereka yang menjalankan pertanian, misalnya "petani padi" atau "petani karang". Pelaku budidaya haiwan ternak secara khusus disebut sebagai peternak.

Tambahan pula, berkaitan dengan kawasan luar bandar banyak telah ditulis mengenai konsep desa. Terdapat pandangan alternatif mengenai konsep luar bandar. Salah satu perdebatan lama mengenai sama ada kawasan luar bandar adalah konsep geografi, lokasi dengan sempadan yang boleh dikenalpasti pada peta, atau sama ada ia adalah perwakilan sosial, masyarakat yang menarik, budaya, dan cara hidup (du

Plessis et al., 2002). Kajian ini memberi tumpuan kepada klasifikasi geografi untuk kawasan luar bandar.

### **1.7.5 Dasar Kerajaan**

Dasar-dasar kerajaan dalam konteks kajian ini adalah semua dasar institusi kerajaan yang formal dan terikat untuk dilaksanakan yang diluluskan dalam bentuk undang-undang yang berkaitan dengan sektor pertanian.

Dasar adalah apa yang dipilih kerajaan untuk melakukan atau tidak (Dye, 1987), hubungan antara unit kerajaan dengan persekitarannya (Eysestone, 1971), atau tindakan, objektif, dan kenyataan kerajaan mengenai perkara-perkara tertentu, langkah-langkah yang mereka ambil untuk melaksanakannya, dan penjelasan yang mereka sediakan untuk apa yang berlaku (Wilson 2006). Takrifan sedemikian adalah tepat dalam erti bahawa mereka meliputi hampir apa sahaja yang boleh dipertimbangkan dasar awam, tetapi mereka sangat umum bahawa mereka tidak menyampaikan banyak idea tentang apa yang membuat kajian dasar berbeza dari sains politik, ekonomi kebajikan, atau pentadbiran awam (Smith dan Larimer, 2009).

## **1.8 Struktur Tesis**

Secara keseluruhannya, tesis ini terbahagi kepada tujuh bab. Bab yang pertama merupakan pendahuluan tentang kajian yang dilakukan. Ia menghuraikan pengenalan, cabaran sektor pertanian di desa, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, definisi operasional, sumbangan kajian. Berikutnya ialah organisasi keseluruhan tesis juga turut digariskan.

Bab yang kedua membincangkan tentang sorotan karya dan kajian lepas yang berkaitan dengan konsep pembangunan dan pembangunan luar bandar, sektor pertanian dan pembangunan luar bandar, pertanian dan pembangunan lestari, pendekatan keupayaan dan daya tahan petani muda. Seterusnya analisis kajian lepas

dan pada akhir perbincangan dijelaskan pembentukan model kerangka konseptual kajian.

Bab yang ketiga, membicarakan tentang metodologi kajian dan kawasan kajian. Ia menghuraikan pengenalan, reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, penentuan sampel kajian, analisis data dan rumusan.

Bab yang keempat, membicarakan tentang program yang dilaksanakan kerajaan bagi memperkasakan keupayaan dan daya tahan petani muda di luar bandar. Ia merangkumi pengenalan, program kerajaan yang menyokong sektor pertanian, bantuan kewangan, program peningkatan pengeluaran, dan kesimpulan.

Bab yang kelima, membicarakan tentang daya tahan petani muda di luar bandar. Ia merangkumi pengenalan, daya tahan petani muda di kawasan Boyolali, spiritualiti petani muda, personaliti dalaman petani muda, motivasi diri petani muda, dan kesimpulan.

Bab yang keenam, membicarakan tentang penentu-penentu keupayaan yang menyumbang kepada daya tahan petani muda. Ia merangkumi pengenalan daya tahan petani muda dan keupayaan individu, karakteristik individu, sokongan sosial, kerohanian/ kepercayaan/ budaya, faktor alam sekitar, warisan keluarga, dan kesimpulan.

Bab yang ketujuh dijadikan sebagai bab penutup. Ia merangkumi pengenalan, rumusan dapatan kajian, implikasi kajian, dan cadangan kajian di masa hadapan.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KARYA DAN KERANGKA KONSEPTUAL**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab dua merupakan bahagian penting dalam memandu kajian ini menerokai konsep khusus berkaitan dengan kajian, serta perkembangan perbincangan dan hujah semasa berkaitan dengan daya tahan petani muda dalam sektor pertanian dalam kalangan para sarjana. Perbincangan di bahagian ini juga turut menyumbang kepada pembentukan kerangka konseptual kajian yang telah dijadikan panduan dan asas bagi membolehkan kajian ini menjawab semua objektif kajian.

Perbincangan di bahagian ini turut membincangkan secara kritis perkaitan langsung konsep pembangunan dan pertanian, sumbangan sektor pertanian dalam pembangunan luar bandar, kedudukan dan penglibatan semasa golongan belia dalam sektor pertanian serta beberapa pendekatan dan teori sosial dalam memperkukuhkan hujah dalam perbincangan di bahagian ini.

#### **2.2 Konsep Pembangunan dan Sektor Pertanian**

Aspek pembangunan dan pertanian merupakan dua perkara penting yang memperkukuhkan konsep pembangunan secara keseluruhannya. Secara umumnya pembangunan pesat ekonomi negara khususnya di bandar menyebabkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar menjadi lebih meluas. Keadaan ini menuntut kepada komitmen berterusan pelbagai pihak supaya luar bandar dapat dimajukan dengan lebih pesat lagi.

Erti pembangunan mungkin perkara yang paling menarik untuk dibahaskan. Mungkin tidak ada satu disiplin ilmu yang paling benar mentafsirkan kata



pembangunan. Sejauh ini, satu siri pemikiran tentang pembangunan telah berkembang, bermula dari perspektif sosiologi klasik (Durkheim, Weber, dan Marx), pandangan Marxis, pemodernan oleh Rostow, struktur struktural serta pemodernan memperkayakan ulasan awal perkembangan sosial, kepada pembangunan mampan. Walau bagaimanapun, terdapat tema utama yang menjadi mesej di dalamnya. Pembangunan pertanian adalah sebahagian daripada pembangunan luar bandar. Walau bagaimanapun, kawasan luar bandar tidak boleh mencapai pembangunan tanpa pertaniannya dibangunkan kerana majoriti penduduk luar bandar menjalankan amalan pertanian sebagai sumber pendapatan utama mereka. Objektif utama pembangunan pertanian adalah peningkatan kesejahteraan material dan sosial rakyat. Oleh itu, mewujudkan laluan pembangunan pertanian yang mampan bermakna meningkatkan kualiti hidup di kawasan luar bandar, memastikan makanan mencukupi untuk generasi sekarang dan akan datang serta menjana pendapatan yang mencukupi untuk petani. Menyokong pembangunan pertanian mampan juga melibatkan memastikan dan mengekalkan kapasiti produktif untuk masa depan dan meningkatkan produktiviti tanpa merosakkan alam sekitar atau menjejaskan sumber asli (Udemezue & Osegbue, 2018).

Mengikut Sen (1999), pembangunan diidentikkan dengan pertumbuhan pendapatan per kapita negara, pendapatan penduduk serta ditambah perindustrian, pembangunan teknologi di suatu negara dan akhirnya pemodernan masyarakat. Pembangunan harus dipulihkan semula untuk memajukan kemerdekaan manusia dan menghapuskan ketidakpastian sumber seperti kemiskinan, peluang ekonomi yang terhad, pengabaian sistematik, atau unsur lain yang membuat manusia kurang peluang atau pilihan untuk menjalankan semangat perkembangan mereka. Pembangunan adalah proses yang memudahkan manusia mengembangkan kehidupan

mereka mengikut pilihan mereka. Anggapannya adalah jika manusia dapat mengoptimalkan potensi mereka, maka sokongan mereka terhadap kesejahteraan akan dimaksimumkan. Pembangunan pertanian adalah salah satu alat yang paling berkuasa untuk menamatkan kemiskinan, meningkatkan kemakmuran bersama, dan memberi makan kepada 9.7 bilion orang yang diunjurkan menjelang 2050. Pertumbuhan dalam sektor pertanian adalah dua hingga empat kali lebih berkesan dalam meningkatkan pendapatan dalam kalangan yang termiskin berbanding sektor lain. Analisis pada 2016 mendapati bahawa 65 peratus daripada orang dewasa yang bekerja miskin menyara hidup melalui pertanian. Pertanian juga penting untuk pertumbuhan ekonomi: pada 2018, menyumbang 4 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) global dan di beberapa negara kurang membangun, sektor pertanian boleh menyumbang lebih daripada 25 peratus daripada KDNK.

Situasi yang ideal, institusi masyarakat awam yang tidak terbatas akan membantu menggalakkan kemerdekaan individu melalui kerjasama dengan negara atau pasaran yang menekankan kebebasan dan menentang segala yang mengekang kebebasan. Perkembangan jangka panjang di sini dimaksudkan supaya sebuah negara dapat mewujudkan keadaan sosial yang lebih baik dan memenuhi keperluan rakyatnya, agar masyarakat dapat hidup dalam kemakmuran. Pembangunan akan dianggap baik jika pembangunan dapat membebaskan orang dari pelbagai kes yang berkaitan dengan kemunduran, sehingga ia akan menciptakan kehidupan yang makmur. Sebaliknya, pembangunan akan dinilai lebih buruk jika ia sebenarnya mewujudkan kemunduran kemanusiaan di sebuah negara. Dalam hal ini, pembangunan dapat ditafsirkan sebagai upaya yang terkoordinasi untuk menciptakan alternatif yang lebih sah untuk setiap warga negara untuk memenuhi dan mencapai aspirasi manusia yang paling tinggi iaitu kebebasan.

Negara yang berorientasi pertanian, pembangunan pertanian menjadi penting. Pembangunan pertanian ditakrifkan sebagai proses yang mewujudkan syarat-syarat untuk memenuhi potensi pertanian. Keadaan tersebut termasuk pengumpulan pengetahuan dan ketersediaan teknologi serta peruntukan masukan dan luaran (de Laiglesia, 2006). Pembangunan pertanian merupakan bahagian penting dalam pembangunan ekonomi dan masyarakat umum (Dethier & Effenberger, 2012). Secara umumnya, pembangunan pertanian bukan sahaja merupakan proses atau aktiviti untuk meningkatkan pengeluaran pertanian tetapi merupakan proses yang menghasilkan perubahan sosial dari segi nilai, norma, tingkah laku, institusi, sosial dan sebagainya untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kebajikan petani dan masyarakat dengan lebih baik. Pertanian adalah sektor utama yang menghasilkan bahan-bahan makanan dan bahan-bahan perindustrian yang boleh diproses menjadi pakaian, makanan dan tempat tinggal yang dapat dimakan atau diperdagangkan, sehingga pembangunan pertanian merupakan bagian dari pembangunan ekonomi.

Sektor pertanian kebanyakannya di luar bandar (Christiaensen et al., 2006; FAO, 2017; Lowder et al., 2016; Meijerink, G. Roza, 2007; Valle, 2012; White, 2012). Pembangunan pertanian dalam menyediakan kebajikan kepada penduduk kampung melalui peningkatan berterusan dan peningkatan produktiviti pertanian (Nchuchuwe & Adejuwon, 2012). Dalam peningkatan berterusan dan peningkatan produktiviti memerlukan mekanisasi dalam bidang pertanian dan tidak memerlukan kos yang kecil. Ini sukar bagi petani di kawasan pedalaman miskin. Oleh itu, pembangunan pertanian mempunyai peranan penting bagi masyarakat luar bandar termasuk: Meningkatkan kualitas hidup masyarakat pedesaan yang majoriti bekerja di sektor pertanian.